

19/04/1998

Air bawah tanah atasi krisis

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR: Air bawah tanah akan digunakan bagi mengatasi krisis bekalan air di Lembah Klang dan beberapa kawasan di Selangor, kata Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Menurutnya, syarikat Lion Group yang mempunyai kapasiti mengeluarkan air bawah tanah lebih 45 juta liter sehari di Kuala Langat, dan tiga syarikat lain bersedia membantu Selangor menggunakan kaedah itu.

Abu Hassan berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahunya mengenai perkara itu, dua hari lalu.

Menurut beliau, Lion Group sedia membatalkan cadangan kumpulan berkenaan untuk membina kilang besi di Kuala Langat, bagi membolehkan peruntukan projek itu digunakan untuk membantu Selangor mengeluarkan air bawah tanah.

"Pegawai Daerah Kuala Langat sedang berbincang dengan syarikat berkenaan mengenai aspek teknikal dan kaedah menyalurkan air berkenaan menerusi paip sedia ada," katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan diploma dan sijil kepada 700 graduan Institut Bina Usahawan (Ibu) di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya (UM) di sini, semalam.

Abu Hassan bagaimanapun berkata, pihaknya masih belum berbincang mengenai bayaran air berkenaan kepada syarikat Lion Group.

"Setakat ini kita belum bincang mengenai bayaran...yang kita hendak ialah air. Kita harap mereka dapat membekalkan air dengan semangat ihsan kepada rakyat Selangor dan Lembah Klang," katanya.

Ditanya kemungkinan kerajaan Selangor mengisytiharkan darurat jika paras air Empangan Semenyih, Empangan Langat, Empangan Klang Gate dan Empangan Tasik Subang mencapai tahap kritikal, Abu Hassan berkata:

"Setakat ini kita belum sampai tahap kritikal, bermakna masih ada 4 hingga 5 meter lagi. Hujan pun lebat sejak beberapa hari ini dan kita akan dapat keputusan lengkap apabila hujan di bukit memasuki empangan.

"Oleh itu kerajaan negeri sudah bincang mengenai masalah ini dan belum timbul untuk mengisytiharkan darurat. Bagaimanapun, kita serahkan kepada Kerajaan Persekutuan jika mahu mengisytiharkannya."

Menurut Abu Hassan, pada masa ini kerajaan mewujudkan enam pasukan bertugas yang diketuai pegawai daerah Gombak, Hulu Langat, Petaling, Klang, Kuala Langat dan Sepang.

Selain pegawai daerah, Jabatan Bekalan Air (JBA) Selangor dan Puncak Niaga turut menganggotai pasukan petugas berkanaan yang dipertanggungjawab menyelesaikan masalah bekalan air, terutama ketika catuan air bermula esok.

Orang ramai juga boleh mendapatkan bantuan dengan menghubungi bilik gerakan di JBA Selangor melalui talian terus 2821111 (lapan talian) atau faks 03-2826006.

Abu Hassan turut berpuas hati dengan pengagihan air yang dilakukan setakat ini.

"Setakat semalam, sebanyak 94.5 peratus kawasan yang dijadualkan mendapat bekalan, sudah menerimanya. Ini membabitkan 224 lori tangki dan 260 tangki statik dan kita minta diperkemaskan lagi," katanya.

(END)